

**PENERAPAN KONSEP DAN NILAI-NILAI ISLAM DI TAMAN TASIK
SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

Oleh

MUHAMMAD FARIZ BIN ISHAK

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
SERI ISKANDAR**

MAC 2012

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t, bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya serta berkat dan kesabaran saya, maka akhirnya dapat saya menyiapkan laporan ini tepat pada waktunya. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucupkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Johari Taharim selaku penyelia kajian akhir ini. Beliau telah bersungguh-sungguh membantu saya dalam menyiapkan kajian akhir ini dari awal hingga akhir kajian. Selain itu, beliau juga telah memberi sumbangan dari segi tunjuk ajar dan pandangan yang bernes dalam membantu untuk menyiapkan kajian akhir ini. Semoga hasil daripada dorongan En. Johari Taharim itu dapat saya gunakan pada masa akan datang dan pastinya budi yang diberikan oleh beliau akan saya kenang buat selama-lamanya.

Tidak ketinggalan ucapan ribuan terima kasih saya kepada Dr Mohd Fadzil Abdul Rashid selaku Koordinator Kajian Akhir yang telah banyak membantu dan bersusah payah terutama menjalankan tanggungjawab beliau di dalam menguruskan projek kajian akhir ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa pegawai dari Jabatan Taman dan Rekreasi MBSA yang telah banyak memberi bantuan dari segi pemberian segala maklumat yang diperlukan untuk menjayakan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada para-para pensyarah jabatan, rakan-rakan yang memberi pandangan semasa kajian akhir ini dijalankan. Tidak ketinggalan juga kepada pehunjung Taman Tasik Shah Alam kerana sudi bekerjasama di dalam memberikan maklumat yang diperlukan.

Tidak dilupakan juga kepada insan yang disayangi iaitu kedua ibu bapa saya dan juga seisi keluarga yang banyak memberi dorongan dan semangat kepada saya untuk terus berusaha dalam menyiapkan kajian akhir ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa berganding bahu serta berusaha bagi mencapai kejayaan bersama, semoga semua usaha ini, akan mendapat keredhaan Allah S.W.T.. Bagi saya, tanpa bantuan daripada mereka yang terlibat belum pasti kajian ini disiapkan.

Sekian, Wassalam.

ABSTRAK

Penerapan Konsep Dan Nilai-Nilai Islam Di Taman Tasik Shah Alam merupakan elemen-elemen Islam dalam perancangan dan pembangunan Bandaraya Shah Alam yang dijalankan kerana Bandaraya Shah Alam merupakan model penempatan masyarakat Melayu yang unggul di negara ini. Pembangunan Shah Alam bermula pada tahun 1964. Lebih daripada 70 peratus penduduk Shah Alam beragama Islam. Kajian ini bertujuan untuk memanfaatkan penyediaan kawasan rekreasi tersebut sebagai kawasan riadah menurut Islam selain sebagai pusat tumpuan utama bagi penduduk kawasan tersebut. Taman Tasik Shah Alam yang terletak di Sekyen 2 dan Sekyen 14 merupakan kawasan kajian bagi kajian ini dijalankan. Taman Tasik Shah Alam merupakan taman bandar yang berkeluasan 127.8 ekar dan juga merupakan kawasan tumpuan orang ramai di Bandaraya Shah Alam. Antara isu dan masalah yang telah dikenalpasti di kawasan kajian ialah berkaitan masalah sosial, fizikal dan rohani. Isu dan masalah ini disebabkan oleh tiada penerapan konsep dan nilai Islam di kawasan kajian. Bagi membuktikan masalah yang terdapat di kawasan kajian, kajian analisis di lakukan untuk mendapatkan penemuan. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan iaitu pengamatan di tapak dan soalselidik pegunjung mendapati bahawa kawasan kajian tidak mempunyai nilai Islam dan terdapat banyak nilai Islam yang tidak diterapkan di dalam perancangan kawasan rekreasi. Terdapat 10 nilai Islam yang telah dikenalpasti di kawasan kajian yang membawa kepada masalah-masalah sosial, fizikal, dan rohani. Hasil analisis responden mendapati bahawa nilai Islam yang terdapat di Taman Tasik Shah Alam ini tidak memuaskan dan masih kurang. Kawasan riadah, perancangan landskap, dan rekabentuk taman tidak menunjukkan imej Islam. Penemuan daripada analisis yang dilakukan membentuk kepada beberapa cadangan bagi menerapkan konsep dan nilai Islam di kawasan kajian. Antara cadangan tersebut ialah penambahbaikan garis panduan kawasan rekreasi dan tanah lapang, cadangan penambahbaikan mengikut nilai-nilai Islam, dan cadangan fizikal. Cadangan yang dicadangkan ini dapat menggambarkan imej Islam di kawasan kajian dan dapat menjadi kawasan rekreasi Islam yang cemerlang, gemilang.

| | |
|-----------------------|------|
| Penghargaan | i |
| Abstrak | ii |
| Isi Kandungan | iii |
| Senarai Jadual | vi |
| Senarai Rajah | vii |
| Senarai Foto | viii |

| | |
|----------------------|-------------------|
| ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|----------------------|-------------------|

BAB 1.0 PENDAHULUAN

| | | |
|-----|--------------------|---|
| 1.1 | PENGENALAN | 1 |
| 1.2 | PENYATAAN MASALAH | 2 |
| 1.3 | PERSOALAN KAJIAN | 3 |
| 1.4 | KEPENTINGAN KAJIAN | 3 |
| 1.5 | MATLAMAT KAJIAN | 4 |
| 1.6 | OBJEKTIF KAJIAN | 4 |
| 1.7 | SKOP KAJIAN | 4 |
| 1.8 | METODOLOGI KAJIAN | 5 |

BAB 2.0 KAJIAN TEORITIKAL

| | | |
|-------|--|----|
| 2.1 | PENGENALAN | 8 |
| 2.2 | KONSEP PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN | 8 |
| 2.2.1 | KONSEP PERANCANGAN EROPAH | 8 |
| 2.2.2 | KONSEP PERANCANGAN ISLAM | 9 |
| 2.3 | MASA LAPANG (LEISURE TIME) | 9 |
| 2.3.1 | DEFINISI REKREASI | 10 |
| 2.3.2 | KONSEP REKREASI | 11 |
| 2.3.3 | HIERARKI TANAH LAPANG DAN REKREASI | 12 |
| 2.3.4 | JENIS-JENIS KAWASAN REKREASI | 14 |
| 2.4 | KAWASAN REKREASI MENGIKUT KONSEP SEKULAR | 15 |
| 2.4.1 | DEFINISI TAMAN BANDAR | 15 |
| 2.4.2 | KEPENTINGAN TAMAN BANDAR | 16 |
| 2.4.3 | PRINSIP REKABENTUK TAMAN BANDAR | 17 |
| 2.4.4 | FAKTOR REKABENTUK TAMAN BANDAR | 18 |
| 2.4.5 | PERANAN TAMAN BANDAR | 19 |

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Taman boleh didefinisikan sebagai sebuah kawasan lapang yang mempunyai kawasan hijau yang menarik di samping mempunyai pelbagai kemudahan bagi masyarakat melakukan aktiviti rekreasi. Hari ini, walaupun negara kita pesat dengan pelbagai projek pembangunan tetapi pihak kerajaan juga menyediakan taman sebagai kemudahan kepada orang awam. Pada hari ini banyak taman telah di wujudkan dan di laksanakan oleh pihak kerajaan bagi memenuhi keperluan orang ramai. Taman yang diwujudkan banyak memberikan manfaat kepada orang ramai. Dengan adanya taman, masyarakat dapat menenangkan dan merehatkan fikiran mereka dengan berkunjung ke taman tersebut. Taman amat penting di dalam sesebuah bandar. Sekiranya di dalam sesebuah bandar itu tidak terdapat kawasan taman maka perancangan bandar tersebut adalah tidak seimbang.

Menurut Azila Ahmad dan Alias Abdullah (2008), taman berfungsi sebagai alat mengawal suhu di kawasan bandar. Ketiadaan kawasan taman di dalam bandar akan menyebabkan suasana di bandar tersebut panas, kering, tidak ceria dan kelihatan kaku. Taman merupakan satu keperluan dan kepentingan kepada masyarakat. Ia telah berubah mengikut keadaan dan kehendak manusia itu sendiri. Sikap manusia terhadap keperluan dan kepentingan taman itu telah berubah dengan begitu cepat di mana ketika dahulu manusia menganggap bahawa taman itu tidak memberikan sebarang fungsi kepada orang ramai. Tetapi pada hari ini di taman tersebutlah sebagai tempat manusia mencari kesempatan untuk melakukan kegiatan mereka seperti beriadah sambil membawa keluarga bersiar-siar terutamanya pada hari minggu berbanding pada hari-hari biasa kerana hari tersebut merupakan hari bekerja bagi mereka.

Taman Tasik Shah Alam merupakan sebuah tasik buatan manusia dan dijadikan taman bandar. Kedudukannya yang strategik dengan kemudahan pengangkutan awam menjadikan ia sering didatangi oleh pengunjung dari pelbagai peringkat umur.